KENYATAAN MEDIA

YB. DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

KEMATIAN BADAK SUMBU SUMATRA TERAKHIR DI MALAYSIA

25 NOVEMBER 2019

---

1. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) sangat sedih dengan berita kematian Iman iaitu satu-satunya spesies Badak Sumbu Sumatra atau nama saintifiknya *Dicerorhinus sumatrensis* yang masih ada di Malaysia. Kematian Iman merupakan suatu kehilangan yang amat besar kepada khazanah biodiversiti negara.

2. Badak Sumbu Sumatra betina ini dilaporkan mati pada 23 November 2019, jam 5.35 petang di *Borneo Rhino Sanctuary* di Lahad Datu Sabah akibat menderita ketumbuhan *leiomyoma* di bahagian uterus. Kematian Iman menyebabkan tiada lagi spesies Badak Sumbu Sumatra yang boleh ditemui di Malaysia sama ada secara liar di habitat semula jadi mahu pun di dalam kurungan.

3. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha sejak tahun 1980an bagi menyelamatkan Badak Sumbu Sumatra termasuk melaksanakan konservasi ex-situ. Pembiakan Badak Sumbu Sumatra secara dalam kurungan dengan bantuan khidmat nasihat

pakar-pakar daripada negara luar termasuk Jerman juga dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi pembiakan secara *in-vitro fertilisation* (IVF) kerana pembiakan secara semula jadi mengalami kegagalan.

4. Teknik IVF menggunakan sel telur Iman dan sperma yang disimpan daripada Badak Sumbu Sumatra jantan terakhir yang dinamakan Tam juga gagal kerana sperma berkenaan kurang berkualiti. Sperma Tam diambil serta disimpan sebelum Tam mati pada 27 Mei 2019 akibat kegagalan organ dalaman.

5. Kerajaan melalui KATS dan Jabatan Hidupan Liar Sabah (JHLS) telah berusaha untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding* - MoU) dengan Kerajaan Republik Indonesia sejak tahun 2016 bagi konservasi Badak Sumbu Sumatra yang antaranya melibatkan kerjasama saintifik, kaedah pembiakan reproduktif serta perkongsian kepakaran dan pengalaman. Bagaimanapun, MoU tersebut masih belum dimuktamadkan.

6. KATS akan meningkatkan usaha bagi memuktamadkan MoU dengan Kerajaan Republik Indonesia supaya sel telur Iman yang disimpan sebelum ini boleh disenyawakan dengan sperma Badak Sumbu Sumatra jantan dari Indonesia bagi meneruskan kesinambungan spesies Badak Sumbu Sumatra di Malaysia. KATS akan mengadakan mesyuarat dengan Kerajaan Republik Indonesia dalam masa terdekat.

7. KATS melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) juga sedia membantu JHLS untuk mengawet Iman sama seperti dilakukan terhadap Tam sebelum ini bagi tujuan pendidikan dan kesedaran awam.

8. KATS komited untuk melipatgandakan usaha bagi menjaga dan memulihara khazanah biodiversiti negara untuk generasi masa kini dan akan datang. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak adalah seperti berikut:

   (i) Meningkatkan peratusan kawasan perlindungan (*protected areas* - PA) melalui pewartaan lebih banyak kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), Hutan Terlindung Sepenuhnya (*Totally Protected Area* - TPA) dan santuari hidupan liar bagi melindungi habitat. Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 (DKBK) menyasarkan sekurang-kurangnya 20% kawasan terestrial dan air daratan (*inland waters*) diwartakan sebagai PA menjelang tahun 2025;

   (ii) Melaksanakan program pengayaan hutan (*forest enrichment*) melalui projek *Central Forest Spine* (CFS) dan *Heart of Borneo* (HoB) untuk menyambung semula kawasan hutan yang telah terputus (*fragmented*) dan meningkatkan koridor ekologi bagi laluan hidupan liar;

   (iii) Melaksanakan inisiatif *zero poaching* bagi membanteras pencerobohan dan pemburuan haram hidupan liar;

(iv) Mempergiatkan usaha bersepadu dan operasi penguatkuasaan yang melibatkan pelbagai Kementerian dan agensi penguatkuasaan termasuk Jabatan Alam Sekitar (DOE), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Kerajaan Negeri untuk memastikan pelaksanaan amalan pertanian baik (*good agriculture practices* - GAP) dan pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) bagi memastikan pematuhan zon penampan (*buffer zone*) di antara kawasan hutan dan perladangan serta tiada pembuangan baja, racun makhluk perosak dan sisa berbahaya ke dalam sumber air seperti sungai.

YB. DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

25 November 2019